



Headline: Pesara guru rugi RM300,000 diperdaya Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Sinar Harian

Section: Nasional

Date: 26 February 2020

Page: 22

## Pesara guru rugi RM300,000 diperdaya Macau Scam

**KUALA LANGAT** - Seorang pesara guru berputih mata selepas kerugian lebih RM300,000 akibat diperdaya individu yang menyamar sebagai pegawai syarikat telekomunikasi dengan mendakwa akaunnya disalah guna untuk tujuan jenayah.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Selangor, Asisten Komisioner Fazlisyam Abd Majid berkata, panggilan itu diterima wanita berusia 67 tahun itu pada 11 Februari lalu di Kampung Sijangkang.

Menurutnya, suspek telah mendakwa akaun

telekomunikasi milik mangsa telah terlibat dalam jenayah di Seremban, Negeri Sembilan.

“Mangsa bagaimanapun menafikannya, tetapi untuk menakutkan mangsa, panggilan tersebut kononnya telah disambungkan ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seremban dan diarah untuk memberi kerjasama.

“Bimbang dengan dakwaan suspek, mangsa telah memindahkan duitnya lebih RM300,000,” katanya.

Beliau berkata, siasatan masih dijalankan untuk mengesan individu terbabit.